

---

# PENGAPLIKASIAN KONSEP “KEWARTAWANAN PERANTI” DALAM ORGANISASI BERITA *KOSMO ONLINE* DAN *ROTIKAYA*

*Anis Nabila Khidir*

Universiti Kebangsaan Malaysia  
anis.nabila.khidir@gmail.com

*Shahrul Nazmi Sannusi*

Universiti Kebangsaan Malaysia  
nazmy@ukm.edu.my

---

## ABSTRACT

Journalists are groups that are important in helping to provide information to the public. The development of communication technology has triggered a concept of Mobile Journalism or MoJo in the journalistic world. This study will show the application of the MoJo concept in the *Kosmo Online* and *Rotikaya* news portal that are able to change the working style of journalists from time to time. This study aims to see MoJo trends capable of changing the style of journalists, MoJo skills used among media practitioners and the future of newspaper companies as a result of digital technology. This study used a qualitative method that is through a deep interview with two informants from both media organisations. The theory used in this study is the Diffusion of Innovation Theory by Everett Rogers that examines four important elements of social system, time frame, innovation and communication channels. As a result of this research, researchers have found some new findings that are classified according to the theoretical elements applied in the MoJo concept. The findings show that both interviewed media organizations have successfully applied MoJo concepts in journalist working style. MoJo is able to change the style of journalist work from traditional style to modern style by using mobile devices to report the news. This application has helped journalists improve their skills indirectly towards the structure of news writing with the use of technology in delivering news visually. This MoJo has also been delivering the news that there is no obstacle to the gatekeeper where the true information continues to be communicated to the public without restrictions. This explorative study can be the basis of the journalistic field in today's growing digital era.

**Keyword:** *mobile journalism, new media, technology, independent media, innovation, communication*

## PENGENALAN

Bidang kewartawanan merupakan satu kerjaya menyampaikan maklumat secara berterusan bagi membina insan, keluarga dan masyarakat. Penyampaian informasi, maklumat dan ilmu pengetahuan yang diketengahkan akan membentuk minda pembaca seterusnya akan mempengaruhi corak pemikiran dan tindakan. Cara penyampaian yang digunakan oleh wartawan juga berbeza mengikut peredaran zaman. Dahulunya, bidang ini menggunakan media tradisional dalam menyampaikan berita namun kini bidang ini berubah mengikut perkembangan teknologi. Perkembangan teknologi ini membawa kepada pembaharuan dalam dunia kewartawanan, iaitu dengan lahirnya “kewartawanan peranti” (*mobile journalism—MoJo*).

Kewartawanan peranti ini memberi manfaat kepada para wartawan dalam menyampaikan berita kepada masyarakat dan ia berkembang pantas dalam industri kewartawanan moden. Menurut Scolari et. al (2012), MoJo menggunakan teknologi komunikasi mudah alih seperti telefon bimbit dan komputer tablet untuk mencipta atau berkongsi kandungan atau maklumat. Bagi mereka, wartawan yang baharu memasuki bidang ini perlu mempunyai kemahiran dalam mengendalikan alatan-alatan teknologi ini. Walaupun perkara ini sudah dijangkakan oleh wartawan muda, wartawan berpengalaman atau senior juga kini belajar dan menggunakan kemahiran *kewartawanan peranti* di luar keperluan bidang tugas kerja mereka (Perreault & Stanfield, 2018).

Konsep kewartawanan peranti ini bermula apabila wujudnya kemudahan telefon bimbit bagi merakam atau menangkap gambar-gambar yang diperlukan bagi sesuatu berita. Gelombang moden kewartawanan peranti telah dikaitkan dengan karya Michael Rosenbaum, yang mengajar di Universiti Columbia pada tahun 1980-an. Beliau telah berunding dengan banyak syarikat media tentang cara menggunakan kewartawanan peranti, namun banyak yang tidak menyambut peralihan ini (Blankenship, 2015). Oleh itu, sejauh manakah pengaplikasian konsep MoJo oleh wartawan di Malaysia? Justeru itu, kajian ini akan memperlihatkan dan memfokuskan pengaplikasian konsep MoJo terhadap wartawan dalam media *Kosmo Online* dan *Rotikaya*.

## SOROTAN LITERATUR

Menurut Fuad (2013), media cetak adalah suatu media yang statik yang memfokuskan keutamaan fungsinya sebagai media untuk menyampaikan informasi. Maka media cetak terdiri dari helaian dengan sejumlah kata, gambar, atau bab dalam pelbagai warna dan halaman putih, dengan fungsi utama untuk memberikan informasi atau hiburan. Media cetak juga turut dikenali sebagai media komunikasi pembangunan tradisional adalah yang paling dekat dengan orang yang memerlukan mesej pembangunan seperti petani dan pekerja. Setakat ini media cetak selepas kemerdekaan apabila Rancangan Lima Tahun telah dimulakan oleh kerajaan untuk pembangunan yang dirancang, itu adalah akhbar-akhbar yang sangat penting untuk tema pembangunan. Mereka menulis mengenai pelbagai program pembangunan kerajaan dan bagaimana rakyat dapat memanfaatkannya termasuk bidang pertanian dan subjek berkaitan dan maklumat mengenai cuaca, kadar pasaran, ketersediaan benih dan perkakas yang lebih baik (Patil, 2011).

Dalam media cetak, wujudnya pengampang. Menurut Nahon (2009), “pengampang” merujuk secara meluas ke proses mengawal maklumat kerana ianya bergerak melalui tapisan

dalam akhbar dan dikaitkan dengan menjalankan pelbagai jenis kuasa seperti memilih berita, menguatkuasakan status quo dalam jawatankuasa parlimen, pengantaraan antara kumpulan profesional dan etnik serta maklumat daripada pakar.

Pengampang maklumat atau *gatekeeper* adalah proses pemilihan dan penilai berita yang dihasilkan oleh wartawan sebelum ini boleh untuk disiarkan. Dalam sesebuah organisasi berita, pengampang ini biasanya terdiri daripada editor atau subeditor yang berfungsi menapis dan menyunting hasil berita yang diterima daripada penulis. Pengampang membetulkan maklumat yang berkaitan selepas menyusunnya dalam hierarki yang menentukan apa yang mereka perlukan. Maklumat dari topik penting, isu kontroversi, dan berita kontemporari mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk dipilih kerana ia akan mempunyai khalayak yang lebih besar daripada artikel yang boleh menimbulkan risiko kehilangan minat (Ghulam Shabir et al, 2015).

Namun bidang kewartawanan mula berubah. Dari perspektif penerbitan berita, beberapa platform mudah alih muncul sehingga menyebabkan wartawan merasa tertekan untuk menerbitkan berita mereka. Ini mencipta cabaran yang lebih rumit dan mahal untuk penerbit berita, yang mesti meneroka dasar baru apabila membangunkan aplikasi mudah alih yang lebih menarik. Walau bagaimanapun, kaji selidik industri akhbar 2010 melaporkan bahawa 51 peratus daripada pengurus media mendapati platform mudah alih merupakan keutamaan penting untuk masa depan.

Kewartawanan peranti bermula apabila seorang wartawan menggunakan media sosial dalam menyebarkan rakaman video penggunaan senjata kimia di Syria pada September 2013 (Perreault & Stanfield, 2018). Video peperangan di Ghouta, Syria yang disiarkan di YouTube dan dikongsi di media sosial itu dengan cepat mendapat perhatian dari penonton di seluruh dunia dan media arus perdana. Penyebaran video ini dikaitkan dengan tindakan wartawan yang mula menyebarkan berita dengan pantas melalui media sosial dengan menggunakan telefon mudah alih.

Walaupun kini telefon bimbit jauh lebih produktif untuk merakam berita, kaedah baharu ini juga berpotensi untuk mengganggu pasaran berita kerana sumber berita kini boleh dihasilkan oleh individu berbanding organisasi berita. Namun, bagi Sajid (2016), dengan mempelajari teknologi baru, ia mampu mengubah tabiat kerja wartawan setiap hari. Oleh itu, setiap wartawan perlu menyesuaikan keperluan cara kerja baharu bagi mendepani perubahan teknologi dalam bilik berita.

## KERANGKA TEORETIKAL

Kajian terhadap konsep *kewartawanan peranti* bagi melihat pendapat dalam kalangan editor akhbar *Kosmo Online* dan *Rotikaya* boleh dikaitkan dengan menggunakan Teori Difusi Inovasi sebagai pendekatan dalam kajian ini. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan. Teori Difusi Inovasi yang diperkenalkan oleh Everett M. Rogers yang dikemukakan pada tahun 1983. Secara umumnya teori ini memperlihatkan bagaimana dan mengapa sesuatu idea yang baharu mampu diterapkan. Perkara ini dikaitkan dengan konsep kewartawanan peranti yang diterapkan dalam bidang kewartawanan pada masa ini. Teori ini mengemukakan elemen yang penting iaitu inovasi, saluran komunikasi, jangka waktu dan sistem sosial bagi memberi fokus kepada sesebuah kajian.

## **Inovasi**

Idea, amalan, atau objek yang dirasakan sebagai baru oleh individu atau unit lain yang diterima pakai (Rogers, 2003). Ia termasuk semua set produk dan perkhidmatan yang baru atau lama tetapi sekarang penggunaan yang tidak dapat dilihat untuk pengguna apabila dia menggunakannya atau hanya apabila pengguna melihatnya menjadi baru terma penggunaannya, ia menjadi inovasi (Tahir & Syed, 2015).

Machado (2010) pula memberi definisi inovasi dalam kewartawanan dengan mengaitkan kepada perubahan teknik, teknologi, proses, bahasa, format, pasukan, peranti dan aplikasi, nilai atau model perniagaan direka bentuk untuk memperkemaskan dan meningkatkan pengeluaran dan penggunaan maklumat kewartawanan. Beliau juga menegaskan bahawa usaha inovasi yang memaksimumkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan sosial untuk kualiti dan maklumat serta-merta dengan kos yang paling rendah.

## **Saluran komunikasi**

Saluran komunikasi bermaksud sebuah mesej disampaikan oleh seseorang individu kepada individu yang lain. Saluran komunikasi ini terbahagi kepada dua iaitu saluran media massa dan interpersonal. Saluran media massa memberi fokus kepada khalayak yang besar melalui medium tertentu seperti radio, televisyen dan surat khabar. Saluran media massa ini merupakan saluran yang paling cepat dan berguna dalam menyampaikan maklumat pengetahuan kepada penonton tentang pelbagai inovasi. Manakala, saluran interpersonal melibatkan komunikasi bersemuka antara dua atau lebih manusia dan mereka mampu memujuk individu yang dituju untuk menerima idea yang baharu. Seseorang yang membuat keputusan berkaitan inovasi kebanyakan mereka menilai secara subjektif untuk menerima inovasi bukannya berdasarkan kajian saintifik (Intharaksa, 2009).

## **Masa**

Unsur ketiga dalam teori ini untuk proses penyebaran adalah masa. Menurut Intharaksa (2009), proses penyebaran memperlihatkan masa sebagai dimensi yang terlibat dalam proses inovasi, iaitu pembuatan keputusan yang akan dilalui oleh seseorang sama seperti pengetahuan pertama daripada inovasi untuk membentuk sikap sama ada untuk mengadaptasi atau menolak sesuatu keputusan yang telah dibuat. Dalam proses ini juga dikaitkan dengan masa yang relatif iaitu cepat ataupun lewat seseorang individu menerima pakai sesuatu inovasi itu apabila dibandingkan dengan anggota sistem yang lain. Sebagai contoh, individu yang tinggal dikawasan bandar lebih mudah menerima sesuatu inovasi itu lebih pantas kerana ketersediaan infrastruktur berbanding individu yang tinggal jauh diluar bandar kerana sukar untuk mengakses teknologi baharu yang wujud.

## **Sistem Sosial**

Menurut Ismail (2006), sistem sosial adalah elemen terakhir dalam proses penyebaran inovasi. Rogers (2003) menamakan sistem sosial sebagai satu set daripada unit saling berkaitan yang terlibat dalam menyelesaikan masalah bersama untuk mencapai matlamat bersama. Sejak penyebaran inovasi berlaku dalam sistem sosial, ia dipengaruhi oleh struktur sosial sistem sosial sesuatu masyarakat atau individu. Menurut Rogers (2003), struktur adalah susunan pola bagi unit dalam sistem. Beliau mendakwa bahawa sifat sistem sosial mempengaruhi inovasi manusia yang merupakan kriteria utama untuk mengkategorikan penggunaannya.

Dalam sistem sosial, terdapat lima kategori untuk melihat individu tersebut dikatakan inovatif dalam menerima sesuatu idea yang baharu. Inovator atau Innovators iaitu Venturesome yang memainkan peranan sebagai penghalang dalam aliran idea baru ke dalam sistem. Mereka mesti dapat mengatasi tahap ketidakpastian yang tinggi tentang inovasi pada masa penerimaan. Keupayaan untuk memahami dan menggunakan pengetahuan teknikal yang rumit diperlukan (Intharaska, 2009).

*Early Adopters* atau pengguna awal akan menjadi para perintis dalam penerimaan inovasi (Rizal, 2012). Pengguna awal mempunyai peranan utama dalam proses penyebaran teknologi baru atau inovasi. Kejayaan dan kegagalan atau kadar penyebaran terus bergantung kepada keputusan kumpulan ini. Pemimpin memainkan peranan utama di hampir setiap peringkat proses inovasi, dari permulaan untuk pelaksanaan, terutamanya dalam menggerakkan sumber yang membawa inovasi ke hadapan (Tahir & Syed, 2015).

*Early Majority* atau pengikut awal di mana mereka tidak mengambil langkah awal untuk menerima sesuatu inovasi namun mereka menerimanya. Pada peringkat ini mereka memerlukan masa untuk mengadaptasi idea-idea yang baharu (Intharaska, 2009). Mereka merupakan kumpulan yang pragmatis, selesa dengan gagasan sederhana yang progresif, tetapi tidak akan bertindak tanpa bukti faedah yang kukuh. Mereka mahu mendengar atau menilai amalan biasa yang dilakukan dalam industri dan disokong oleh orang biasa serta dihormati (Robinson, 2009).

*Late Majority* atau pengikut akhir yang menjadi penerimaan inovasi. Mereka merupakan golongan yang skeptikal kerana menerima idea-idea yang baharu hasil daripada persetujuan majoriti. Ini kerana mereka tidak mahu menerima inovasi tersebut sehinggakan adanya pendorong yang mendorong golongan ini untuk menerima inovasi yang baharu ini (Intharaska, 2009). Walaupun mereka ragu-ragu mengenai inovasi dan hasilnya, keperluan ekonomi dan tekanan rakan sebaya boleh membawa mereka kepada penggunaan inovasi. Untuk mengurangkan ketidakpastian inovasi, rangkaian interpersonal rakan seperjuangan perlu memujuk golongan ini untuk mengamalkannya. Dengan ini merasa selamat untuk mengadaptasi inovasi tersebut (Ismail, 2006).

*Laggards* atau golongan tradisional merupakan kumpulan yang terakhir dalam sistem sosial untuk menerima pakai inovasi. Mereka curiga akan mengenai idea-idea inovasi yang baru. Rintangan terhadap inovasi mungkin rasional dari sudut pandangan mereka. Mereka mesti yakin bahawa idea baharu tidak akan gagal sebelum mereka menerima pakai (Intharaska, 2009).

Menurut Rogers (2003), proses keputusan inovasi ini adalah proses di mana individu tersebut telah melepasi pengetahuan inovasi untuk membentuk sikap ke arah inovasi, kemudiannya membuat keputusan sama ada menerima atau menolak untuk melaksanakan idea yang baharu dan membuat keputusan yang tepat. Proses ini juga dikaitkan dengan para wartawan dalam menerima keputusan terhadap inovasi dalam menyampaikan berita dengan menggunakan kewartawanan peranti.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan bersifat eksploratori dalam usaha untuk memahami bagaimana kaedah MoJo diterapkan di kebanyakan organisasi media di Malaysia. *Kosmo Online* dan *Rotikaya* menjadi fokus kajian ini kerana kedua-dua media ini mempunyai

jumlah pengunjung (*unique visitor*) tertinggi berdasarkan laman web Alexa.com. Selain itu, perbandingan antara kedua-dua organisasi media baharu dan lama ini akan dilakukan khususnya dalam konteks kesediaan mereka melaksanakan konsep MoJo ini dalam operasi penerbitan berita harian mereka.

Temu bual mendalam dengan wakil-wakil media yang berautoriti akan dilakukan. Ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan yang terperinci mengenai MoJo terhadap organisasi media yang telah dipilih. Oleh itu, kajian ini akan membabitkan editor-editor *Kosmo Online* dan *Rotikaya* seperti yang berikut:

**Jadual 1 : Latar Belakang Informan**

Informan	Organisasi Media	Jawatan
Informan 1	Kumpulan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad	Penolong Pengarang <i>Kosmo Online</i>
Informan 2	Rotikaya	Pengasas Portal Rotikaya


Kajian ini dijalankan selama tiga bulan. Soalan-soalan temu bual disemak oleh pakar bagi menentukan sama ada ia mudah difahami dan bersesuaian dengan kajian atau sebaliknya. Soalan temu bual disusun mengikut urutan bagi memastikan kelancaran semasa sesi temu bual dijalankan bersama informan. Temu bual dengan wakil informan kedua-dua organisasi media direkodkan dan kemudian ditranskripsikan. Data dianalisis berdasarkan tema kepada item-item teori yang diaplikasikan.

**DAPATAN KAJIAN**

Hasil temu bual yang dilakukan dianalisis dan dibahagikan kepada empat tema berikut: iaitu inovasi, saluran komunikasi, jangka waktu dan sistem sosial.

**Inovasi**

Dari aspek inovasi, dapatan temu bual dibahagikan kepada empat tema seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, iaitu teknologi dan akhbar, teknologi dan kemahiran wartawan, teknologi dan gangguan MoJo serta perisian dalam MoJo.



**Rajah 1 : Konsep MoJo dalam elemen inovasi**



### **Teknologi dan Akhbar**

Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa akhbar di Malaysia ini sememangnya telah mengikut teknologi masa kini di mana sebelum wujudnya Kosmo! Online akhbar ini menggunakan akhbar bercetak. Hasil daripada temu bual ini informan 1 telah menyatakan bahawa wartawan tersebut perlu membantu sesebuah organisasi media untuk beralih kepada digital media. *Kosmo Online!* mengamalkan konsep arahan yang jelas bagi mengaplikasikan konsep *kewartawanan peranti* dalam mengubah akhbar bercetak kepada akhbar digital.

Menurut informan 2 pula, perubahan yang berlaku dalam industri akhbar kepada akhbar digital adalah perubahan yang sangat positif. Penulisan berita oleh wartawan juga dilihat telah mengalami proses kebebasan tanpa sebarang kongkongan. Wartawan mampu menulis berita yang benar tanpa kekangan daripada mana-mana pihak yang berkepentingan. Hal ini kerana teknologi memudahkan wartawan untuk memuat naik berita dengan hanya menggunakan teknologi iaitu telefon bimbit dan aplikasi seperti *Gmail* dan *Dashboard*.

### **Teknologi dan Kemahiran Wartawan**

Hasil dapatan kajian bahagian ini akan menerangkan dimana teknologi telah menanamkan kemahiran wartawan secara tidak langsung. Perkara ini dilihat apabila *Kosmo Online* akan memberi tunjuk ajar secara terperinci kepada setiap wartawan. Hasil daripada tunjuk ajar tersebut wartawan akan menambah kemahiran mereka secara tidak langsung dalam mengamalkan konsep MoJo. Wartawan yang bekerja di *Kosmo Online* ini juga dilatih untuk menjadi pelbagai jawatan yang berkaitan seperti editor, penulis skrip dan pengarah. Konsep MoJo ini dilihat mampu menambah kemahiran wartawan dalam pelbagai bidang.

Begitu juga dengan informan 2 yang menyatakan bahawa konsep MoJo ini mampu menambah kemahiran wartawan dalam menggunakan teknologi untuk menyiapkan 33 berita. Hal ini kerana wartawan tiada kongkongan untuk membuat berita yang menggunakan penulisan gaya wartawan sendiri kemudiannya diolah mengikut gaya *Rotikaya*. Perkara ini dilihat dapat menambah kemahiran cara penulisan berita yang baik untuk disampaikan kepada masyarakat. Satu perkara yang boleh dihuraikan dimana informan 1 telah menyatakan bahawa teknologi merupakan sesuatu perkara yang percuma untuk digunakan. Oleh itu, wartawan tiada halangan untuk menambah kemahiran mereka dengan menggunakan teknologi yang sedia ada.

### **Gangguan Teknologi dan Kewartawanan peranti**

Berdasarkan kepada hasil temu bual bersama Informan 1 berkaitan aspek gangguan teknologi yang dialami oleh wartawan dalam mengaplikasikan konsep MoJo adalah teknologi sangat membantu wartawan dalam menyiapkan berita. Ini kerana wartawan hanya menggunakan telefon bimbit untuk melaksanakan sesebuah berita. Namun demikian, pandangan yang telah diutarakan oleh Informan 1 menyatakan internet menyebabkan salah satu gangguan dalam menyiapkan berita. Contohnya, situasi dimana wartawan ingin membuat liputan sempena Sambutan Tahun Baru disesebuah lokasi yang melibatkan ramai orang. Ini akan menyebabkan rangkaian telco sedikit terganggu dan menyukarkan wartawan membuat liputan di lokasi kejadian.

Informan 2 pula menyatakan bahawa konsep MoJo ini yang melibatkan teknologi tidak memberi gangguan kepada wartawan *Rotikaya* untuk menyiapkan berita. Dilihat teknologi sememangnya memberi bantuan kepada wartawan dalam mengaplikasikan konsep MoJo.

Syarikat media *Rotikaya* ini memberi pelbagai perlatan teknologi kepada stafnya untuk memudahkan mereka dalam menyiapkan sesebuah berita.


**Perisian dalam Kewartawanan peranti**

Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa informan 1 menyatakan bahawa *Kosmo Online* menggunakan perisian-perisian yang asas dalam menghasilkan sesebuah berita. Perisian yang digunakan oleh wartawan untuk menghasilkan sebuah berita kewartawanan siaran adalah menggunakan perisian *Adobe Premire Pro* dimana wartawan masih menggunakan telefon untuk menghantar video-video yang asal. Hasil daripada temu bual ini informan 1 telah menyatakan bahawa wartawan juga perlu mengaplikasikan penggunaan perisian penyuntingan video yang terdapat dalam telefon mereka. Perkara ini dilihat mampu memudahkan wartawan *Kosmo Online* untuk menyiapkan berita dengan lancar.

Perisian yang digunakan oleh wartawan *Rotikaya* pula adalah menggunakan perisian website Wordpress untuk memuat naik berita. Setiap wartawan *Rotikaya* telah diberi kebenaran untuk menggunakan website tersebut secara individu. Hasil daripada 35 temu bual ini wartawan didedahkan dengan kebenaran untuk berdikari dalam mencuba sesuatu yang baharu disamping dapat meningkatkan kemahiran wartawan itu sendiri. Perkara ini bermaksud bukan editor sahaja yang akan memuat naik berita, namun wartawan yang lain juga telah diberi peluang untuk memuat naik berita secara pantas.

**Saluran Komunikasi**

Dari aspek saluran komunikasi, dapatan temu bual dibahagikan kepada tiga tema seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2 : Konsep MoJo dalam elemen saluran komunikasi

**Media Berita**

Saluran media adalah perkara yang penting sebagai satu medium kepada syarikat media untuk menyampaikan berita. Hasil temu bual bersama Informan 1 telah mendapati bahawa *Kosmo Online* menggunakan media sosial untuk menyampaikan berita dimana setiap media sosial yang digunakan adalah berbeza mengikut kategori yang telah ditetapkan. Hal ini demikian kerana dapat membezakan pembahagian berita yang dilaksanakan oleh *Kosmo Online* secara teratur. Perkara ini juga dilihat dapat memudahkan para pembaca



untuk mencari berita mengikut kategori. *Kosmo Online* memberi fokus kepada media sosial *Facebook* dan *Instagram*. *Instagram Kosmo Online* merupakan salah satu media yang menjadi kekuatan kepada syarikat tersebut dalam menyampaikan berita. Hal ini kerana pengguna *Instagram* rata-ratanya adalah mereka yang berumur antara 18 tahun kepada 35 yang sentiasa menginginkan berita-berita yang terkini.

Informan 2 juga menyatakan bahawa *Rotikaya* menggunakan media sosial *Facebook* dan *Instagram* untuk menyampaikan berita. Sebelum memuat naik ke laman *Facebook* dan *Instagram*, *Rotikaya* menggunakan website wordpress iaitu *Rotikaya.com* untuk memuat naik berita. Kemudiannya, *Rotikaya* menggunakan teknik kongsi ke laman *Facebook* dan *Instagram* media hiburan ini. Media sosial digunakan sebagai medium- medium yang penting dalam menyebarkan berita kepada orang ramai. Perkara ini dilihat media sosial adalah laman media yang paling penting pada masa ini.

### **Kerelevanan Media Bercetak**

Hasil temu bual yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kerelevanan media bercetak kepada Informan 1 adalah menyatakan bahawa media bercetak ini dilihat masih relevan. *Kosmo* merupakan salah satu akhbar bercetak yang mendapat perhatian ramai masyarakat. Namun demikian, Informan 1 berpendapat bahawa akhbar ini dilihat akan lupus apabila masyarakat sudah tidak menerimanya lagi atas dasar kewujudan media digital. Media digital yang lebih mudah diakses menyebabkan akhbar bercetak ini semakin lenyap.

Menurut Informan 2 pula, surat khabar masih relevan atas dasar kredibiliti kandungan berita yang sahih. Perkara ini dilihat masyarakat memerlukan surat khabar kerana kepercayaan kandungan berita itu sangat penting dan tidak palsu. Surat khabar dilihat sebagai satu identiti berita yang penting yang mampu memberi kepercayaan kepada pembacanya. Namun kewujudan surat khabar ini juga masih dilihat agak kabur masa depannya kerana masyarakat kini sudah membaca kepada akhbar digital.


### **Komunikasi MoJo**

Komunikasi antara wartawan dan editor adalah sangat penting bagi menyiapkan sesebuah berita. Informan 1 menyatakan bahawa konsep MoJo telah diaplikasikan dalam komunikasi antara wartawan dengan editor. *Kosmo Online* menggunakan telefon bimbit melalui aplikasi *WhatsApp* dan panggilan apabila terdapat sesebuah berita yang perlu dilaksanakan. Penghantaran berita juga melalui aplikasi *WhatsApp* yang dilakukan oleh wartawan kepada editor seperti penghantaran gambar, video dan penulisan berita.

Begitu juga dengan pendapat *Rotikaya* yang menggunakan aplikasi *WhatsApp* dan e-mel untuk berkomunikasi antara wartawan dengan editor. *Rotikaya* lebih menggunakan e-mel untuk berhubung dengan wartawan kerana penggunaan e-mel ini dilihat lebih formal dan teratur. Konsep MoJo yang diamalkan dalam organisasi *Rotikaya* ini telah diaplikasikan apabila editor berhubung dengan wartawan dengan menggunakan kaedah panggilan video. Kaedah ini dilihat lebih berkesan kerana editor akan nampak secara visual dan realistik aktiviti wartawan di lokasi kejadian.

### **JANGKA WAKTU**

Dari aspek jangka waktu atau tempoh masa, dapatan temu bual dibahagikan kepada tiga tema seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3 : Konsep MoJo dalam elemen jangka waktu

### **Jangka Masa Menyiapkan Berita**

Berdasarkan hasil temu bual yang diperolehi daripada Informan 1 telah menyatakan bahawa konsep MoJo ini bergantung kepada tindakan wartawan tersebut. MoJo merupakan sistem yang memudahkan wartawan untuk menyampaikan berita kerana tempoh masa yang diambil adalah singkat untuk menyiapkan berita. Ini kerana wartawan hanya perlu melaksanakan penulisan berita menggunakan telefon bimbit dan hantar 38 kepada editor kemudiannya editor akan muat naik berita tersebut. Dengan adanya konsep MoJo ini wartawan boleh menyiapkan berita dalam masa lima minit. Masa yang singkat ini juga menunjukkan kredibiliti sesebuah berita kerana berita mempunyai nilai tidak perlu ditunggu dalam masa yang lama untuk disampaikan kepada masyarakat.

Begitu juga dengan pendapat informan 2 yang baginya konsep MoJo yang diaplikasikan oleh wartawan ini dilihat tidak memerlukan masa yang lama untuk menyiapkan berita. Wartawan *Rotikaya* mempunyai hak untuk memuat berita secara langsung menerusi portal *Rotikaya.com* apabila memperoleh sesebuah berita. Teknologi dilihat telah memudahkan bidang kewartawanan untuk menyiapkan berita dengan tempoh waktu yang singkat. Perkara ini juga dilihat memenuhi keperluan masyarakat yang memerlukan berita-berita yang sentiasa baharu.

### **Darjah Ketersampaian Berita**

Darjah ketersampaian sesebuah berita kepada khalayak adalah dilihat dari segi arah tuju berita tersebut. Informan 1 menyatakan bahawa wajah portal tersebut memainkan peranan yang penting bagi menarik minat masyarakat untuk membaca sesebuah berita. MoJo ini dilihat darjah ketersampaian sesebuah berita tersebut adalah pantas kepada 39 masyarakat. Perkara ini dilihat apabila *Kosmo Online* mendapat tiga kali ganda pembaca yang sebelum ini.

Menurut Informan 2 pula, darjah ketersampaian sesebuah berita kepada berita juga adalah pantas kerana dalam masa satu saat sudah terdapat pembaca yang akan membaca sesebuah berita yang dimaut naik di dalam portal *Rotikaya.com*. MoJo ini bukan sahaja memberi kesan kepada wartawan namun memberi kesan kepada pembaca untuk mendapatkan berita-berita yang terkini.


### **Jangka Masa Pelaksanaan Tugas antara Media Tradisional dengan Digital**

Hasil daripada temu bual mendalam pengkaji mendapati terdapat perbezaan dari segi jangka masa wartawan untuk menyiapkan berita dengan cara tradisional dan MoJo. Berdasarkan hasil dapatan daripada Informan 1, *Kosmo* merupakan akhbar bercetak yang kini mempunyai akhbar digital iaitu *Kosmo Online*. Perubahan ini dilihat agak sukar pada peringkat awalnya untuk berubah daripada akhbar bercetak kepada digital. Konsep MoJo yang telah diaplikasikan dalam digital media ini memperlihatkan masa yang diperuntukkan untuk wartawan menyiapkan berita berbeza dengan akhbar tradisional. MoJo ini memerlukan wartawan untuk menghantar berita mengikut waktu sebenar berita tersebut berlaku.

Informan 2 telah menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara wartawan media tradisional dan digital. Ini kerana wartawan akhbar bercetak perlu mencatat berita di lokasi kejadian dan kemudiannya perlu kembali semula ke balai berita untuk melakukan penyuntingan berita. Oleh itu, masa yang diambil agak lama untuk menyiapkan sesebuah berita berbanding digital media. MoJo telah memudahkan dan mempercepat masa wartawan untuk menyiapkan sesebuah berita secara tidak langsung. Hal ini menunjukkan bahawa wartawan hanya perlu menggunakan telefon bimbit mereka sebagai peranti untuk melaksanakan berita kemudiannya berita tersebut boleh terus dimuat naik.

### **SISTEM SOSIAL**

Hasil temu bual untuk aspek sistem sosial, dapat dibahagikan seperti dalam Rajah 4 di bawah.



Rajah 4 : Konsep MoJo dalam elemen sistem sosial

### **Penerimaan Masyarakat Terhadap Berita dalam Talian**

Umumnya, masyarakat dapat menerima berita secara dalam talian. Perkara ini juga dilihat apabila demografi pembaca yang membaca berita melalui portal *Kosmo Online* adalah dalam lingkungan usia 18 hingga 35 tahun yang telah terdedah dengan pembacaan berita. Informan 1 juga menyatakan bahawa kini kebanyakan orang telah mempunyai telefon pintar mereka sendiri. Oleh itu, mereka secara tidak langsung boleh mengakses berita secara dalam talian.

Menurut Informan 2, portal *Rotikaya* menggunakan konsep berita yang mudah untuk difahami berdasarkan tajuk yang mampu menarik perhatian pembaca. Penggunaan konsep berita *Rotikaya* ini membolehkan para pembaca menerima berita secara dalam talian.

Tambahan pula *Rotikaya* berfokuskan berita hiburan yang sememangnya mempunyai ramai pembaca secara dalam talian.

### **Gaya Persembahan Isi Berita**

Hasil daripada temu bual mendalam bersama Informan 1, pengkaji telah mendapati bahawa konsep MoJo telah membantu wartawan dalam menyampaikan berita dengan gaya persembahan supaya masyarakat mampu memahami isi berita. Informan 1 menyatakan bahawa isi berita yang baik adalah akhbar tersebut menjaga kualiti berita mereka. Perkara ini juga bermula dengan ketua yang perlu memberi arahan secara terperinci maka hasil yang diperolehi oleh wartawan terhadap isi berita adalah baik.

Informan 2 menyatakan bahawa wartawan *Rotikaya.com* melakukan gaya persembahan berita berdasarkan tajuk. Tajuk berita merupakan perkara yang paling bagi menarik minat pembaca untuk membaca sesebuah berita. Posting atau hantaran yang dimuat naik ke media sosial daripada artis ataupun sesiapa yang berkaitan boleh dijadikan pemilihan tajuk berita. Tambahan pula, Informan 2 menyatakan bahawa *Rotikaya.com* menggunakan gaya tulisan yang biasa supaya pembacaan pembaca tidak terganggu dan mudah difahami.

### **Fakta dan MoJo**

Wartawan di *Kosmo Online* masih menggunakan konsep berjumpa pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan kesahihan sesebuah berita. Situasi ini dilihat bagi memastikan kesahihan sesebuah berita tersebut adalah tepat. Perkara ini berbalik kepada arahan yang diberikan oleh ketua editor daripada pejabatnya kepada wartawan yang berada di lokasi kejadian.

*Rotikaya* pula menggunakan konsep MoJo dengan menemu bual artis ataupun sesiapa sahaja yang berkaitan dalam berita secara dalam talian. Hal ini kerana MoJo memudahkan wartawan untuk mendapatkan sesebuah berita. Namun demikian terdapat sesetengah berita yang memerlukan wartawan untuk turun ke lokasi untuk mendapatkan fakta yang tepat dan sahih.

### **Kakitangan MoJo**

Hasil daripada temu bual mendapati bahawa pengaplikasian konsep MoJo tidak memerlukan staf yang ramai. MoJo ini membolehkan seseorang individu melakukan kerja atau tugas merangkumi banyak aspek. Berdasarkan temu bual bersama informan 1, staf yang terdapat dalam organisasi media *Kosmo Online* adalah seramai 11 orang. Jumlah staf yang kecil ini dilihat mampu mengorganisasi bidang kewartawanan dengan berjaya. Hal ini kerana MoJo menggunakan teknologi dalam menyiapkan berita. *Kosmo Online* tidak membahagikan tugas pemberitaan mengikut meja-meja berita. Oleh itu, wartawan-wartawan yang terdapat dalam *Kosmo Online* layak mencari berita-berita secara umum tanpa bidang yang khusus.

Menurut Informan 2, organisasi media *Rotikaya* menyatakan bahawa mereka hanya mempunyai staf seramai 8 orang. Jika dilihat 8 orang staf ini adalah jumlah yang kecil untuk sesebuah organisasi media. Namun demikian jumlah yang kecil ini mampu untuk menjalankan aktiviti pemberitaan yang sudah bertahan selama sepuluh tahun. Pembahagian tugas dilakukan dimana ada wartawan yang akan keluar negara untuk mencari berita dan selebihnya melaporkan berita-berita yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. MoJo dilihat tidak memerlukan staf yang ramai dalam sesebuah organisasi akhbar kerana semua gerak kerja berpandukan kepada penggunaan teknologi.

### **Keperluan Pejabat**

Berdasarkan kepada hasil temu bual bersama Informan 1, konsep MoJo yang digunakan oleh organisasi media *Kosmo Online* terhadap keperluan pejabat adalah masih diperlukan. Hal ini demikian kerana organisasi media ini menjadikan pejabat mereka sebagai pusat untuk memberi arahan kepada wartawan yang berada di lokasi. Sebagai contohnya, ketua editor akan memberi arahan kepada wartawan yang berada di luar kawasan Selangor dan Kuala Lumpur iaitu negeri-negeri lain. Para wartawan juga masih perlu hadir ke bilik berita untuk melapor diri bagi setiap hari.

Berbeza pula dengan Informan 2, organisasinya yang berjaya mengaplikasikan konsep MoJo dengan mengamalkan konsep bekerja dari rumah ataupun *work from home*. Mereka tidak begitu memerlukan pejabat kerana teknologi telah memudahkan mereka untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Ketua editor *Rotikaya* juga bekerja dari rumah dan memberi arahan melalui aplikasi *WhatsApp* kepada para wartawannya untuk melaksanakan sesebuah berita. Perkara ini bukan sahaja memanfaatkan teknologi yang sedang berkembang pesat namun kos syarikat juga dapat dikurangkan. Syarikat ini juga menyediakan keperluan-keperluan yang penting kepada setiap wartawan seperti komputer riba, rangkaian Internet dan insurans bagi memudahkan kerja mereka untuk menyiapkan berita tanpa gangguan.

### **Pengampang maklumat**

Hasil daripada temu bual bersama Informan 1, konsep MoJo ini dilihat kurangnya fungsi pengampang yang digunakan dalam syarikatnya. Wartawan itu sendiri menjadi pengampang maklumat kerana sesebuah berita tersebut tidak perlu melalui banyak tahap pengampang maklumat sebelum dimuatnaikkan atau diterbitkan. Perkara ini dilihat wartawan memainkan peranan yang penting dalam menyiarkan berita tanpa batasan kerana tidak perlu melalui banyak tapisan. Editor sahaja yang menjadi pengampang dalam konsep MoJo ini kerana sesebuah berita tersebut perlu disiarkan dengan pantas.

Begitu juga dengan hasil temu bual terhadap informan 2, wartawan bebas untuk menulis berita-berita yang baru sahaja berlaku. Berita yang ditulis oleh wartawan tiada kongkongan daripada mana-mana pihak atau pengampang maklumat yang ingin menyekat kesahihan sesebuah berita. MoJo ini telah diaplikasikan dalam bidang kewartawanan pada masa ini yang tiada tapisan yang banyak daripada pengampang. Berita boleh disiarkan dengan bebas tanpa sekatan daripada mana-mana pihak.

## **PERBINCANGAN**

Hasil daripada kajian ini pengkaji telah mendapati dua objektif kajian yang disenaraikan telah berjaya dicapai. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menemu bual kedua-dua informan bagi mendapatkan jawapan.

Hasil temu bual bersama Informan 1 dan 2, jelas menunjukkan bahawa wartawan kini telah terdedah dengan penggunaan teknologi. Teknologi yang paling hampir dengan setiap individu begitu juga wartawan adalah telefon bimbit. Telefon bimbit itu sendiri telah menunjukkan MoJo sememangnya telah mengubah gaya kerja para wartawan.

Kedua-dua informan telah menyatakan bahawa gaya kerja wartawan sebelum ini ataupun secara tradisional telah berubah daripada menulis di buku nota kepada dengan hanya menggunakan telefon bimbit untuk menulis segala maklumat di lokasi kejadian.

Situasi ini jelas dilihat dalam organisasi akhbar *Kosmo Online* yang sebelum ini menggunakan buku catatan wartawan dan pena, namun kini adaptasi MoJo telah mengubah gaya kerja wartawan. Berbeza dengan informan 2 daripada *Rotikaya* yang sememangnya bermula dengan teknologi. Wartawan mereka sudah diaplikasikan dari mula penubuhan dengan menggunakan teknologi sebagai gaya kerja wartawan.

Trend MoJo ini dilihat apabila kedua-dua organisasi media ini telah menggunakan aplikasi-aplikasi media sosial seperti *WhatsApp*, *Facebook* dan *Telegram* untuk berhubung antara satu sama lain. Ini bermaksud wartawan berhubung dengan editor itu sendiri bagi menyampaikan maklumat-maklumat dengan pantas. MoJo ini juga turut diaplikasikan dengan cara wartawan berhubung dengan pihak berkepentingan atau pun sumber untuk mendapatkan maklumat berita. Wartawan berhubung dengan sumber dalam berita dengan hanya menggunakan peranti iaitu panggilan dan panggilan video.

Selain itu, terdapat kemahiran yang perlu diambil berat oleh pengamal media dalam mengaplikasikan konsep MoJo. Kemahiran tersebut terbahagi kepada dua jenis iaitu kemahiran individu dan teknologi. Media secara dalam talian ini merupakan berita-berita yang perlu dimuat naik secara pantas tanpa mengira waktu. Perkara ini dilihat apabila para wartawan perlu menggunakan kemahiran sendiri, iaitu mereka tidak boleh melengahkan masa untuk menyiapkan berita terlalu lama. Media sosial ialah satu platform yang menyaksikan pembaca mencari ingin berita yang sentiasa dikemaskinikan dari semasa ke semasa.

Kemahiran teknologi pula adalah kemahiran yang perlu ada dalam diri para pengamal media. Kemahiran ini berfokuskan kepada kemahiran dalam menggunakan perisian untuk melaksanakan dan menyunting berita. Dalam proses pelaksanaan berita, wartawan yang menggunakan konsep MoJo ini telah menggunakan peranti atau telefon bimbit sebagai alat paling utama untuk menyiapkan berita. Wartawan menggunakan telefon bimbit untuk merakam video-video yang penting di lokasi kejadian. Informan 1 telah menyatakan bahawa organisasi mereka akan ajar cara pelaporan berita menggunakan konsep MoJo kepada wartawan sebelum mereka turun ke lokasi untuk mencari berita. Kemahiran teknologi dalam konsep MoJo ini juga menunjukkan beberapa perkara penting yang boleh diambil perhatian semasa pelaporan berita dilaksanakan. Wartawan perlu memastikan beberapa peralatan yang menjadi asas utama. Antara peralatan yang diperlukan dalam melaksanakan pelaporan berita adalah telefon bimbit, *cordless microfon* dan *stabilizer*. Dalam melaporkan berita atau merakam video yang penting, wartawan perlu menggunakan *mod landscape* semasa melaporkan berita. Kemahiran dalam mengendalikan peralatan ini juga akan menghasilkan kualiti pemberitaan yang terbaik.

Kemahiran penyuntingan berita pula dibahagikan kepada dua iaitu berita berbentuk video dan penulisan. Penyuntingan berita secara video ini membolehkan wartawan memahirkan diri secara tidak langsung dalam menggunakan perisian-perisian penyuntingan video seperti *Adobe Premiere Pro*, *Final Cut Pro* dan *Power Director*. Penulisan dengan menggunakan teknologi juga salah satu kemahiran yang diaplikasikan dalam konsep MoJo. Perkara ini menunjukkan bahawa wartawan menggunakan aplikasi *Gmail*, *Wordpress* dan *WhatsApp* untuk menyiapkan berita dan dihantar kepada editor. MoJo telah menjadikan seorang wartawan bukan sahaja mahir dalam penulisan berita dan rencana namun mahir dalam mengendalikan perisian untuk menyiapkan berita.



## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian pengaplikasian konsep MoJo terhadap media *Kosmo Online* dan *Rotikaya* membawa kepada pembaharuan dalam gaya kerja bidang kewartawanan. Konsep MoJo ini sedikit sebanyak telah berjaya diaplikasikan dalam bidang kewartawanan yang terdapat di Malaysia. Hal ini demikian kerana negara-negara lain telah mengaplikasikan konsep tersebut dalam menyampaikan berita. Kajian ini boleh dijadikan rujukan dalam bidang akademik kepada pengamal akademik dan bidang kewartawanan. Konsep MoJo ini juga membawa kepada perubahan dalam pembacaan berita dalam kalangan masyarakat. Bukan itu sahaja MoJo telah membantu organisasi media dalam mendapatkan idea untuk melihat masa depan sesebuah syarikat media ini.

## RUJUKAN

- Blankenship, J. C. 2015. Losing their “MoJo”? *Journalism Practice*, 10 (8),1055–1071. Doi: 10.1080/17512786.2015.1063080
- Fahrul Rizal. (2012). Penerapan teori difusi inovasi dalam perubahan sosial budaya. *HIKMAH*. VI (01) :129–140.
- Fuad Abbas Salleh Pasollo. (2013). Peran media massa cetak (koran) dalam meningkatkan pariwisata Danau Dua Rasa (Labuan Cermin), Berau. *eJournal Ilmu Komunikasi*. 1 (4), 91–105.
- Ghulam Shabir, Ghulam Safdar, Muhammad Imran, Asad Mumtaz & Ashraf Ali Anjum. (2015). Process of gate keeping in media: from old trend to new. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6 (1) : 588–593.
- Intharaksa, U. (2009). Using diffusion of innovation theory to explain the degree of faculty adoption of web-based instruction in a Thai University. Degree of Doctor of Education. Faculty of the Graduate College. Oklahoma State University.
- Ismail Sahin. (2006). Detailed review of Rogers’ Diffusion of Innovations Theory and educational technology-related studies based on Rogers’ Theory. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 5 (2), 20–32.
- Nahon, K. (2008). Gatekeeping: a critical review. *ResearchGate*. [https://www.researchgate.net/publication/220142012\\_Gatekeeping\\_A\\_critical\\_review](https://www.researchgate.net/publication/220142012_Gatekeeping_A_critical_review). [12 Jun 2018]
- Nel, F. & Westlund, O. (2012). The 4C’S of mobile news. *Journalism Practice*, 6 (5-6). 744–753. <https://doi.org/10.1080/17512786.2012.667278>
- Patil, D. M. (2011). Recent trends of print media in development communication. *Global Media Journal*, 2 (2), 1-20.
- Perreault, G. & Stanfield, K. (2018). Mobile journalism as lifestyle journalism? *Journalism Practice*, 13 (3),331–348. Doi: 10.1080/17512786.2018.1424021
- Robinson, Lee. (2009). *A summary of diffusion of innovations*. ChangeoLog: The Book.
- Rogers, E.M. (2003). *Diffusion of innovation*. (Fifth Edition). New York. Free Press.
- Sajid Umair. (2016). Mobile reporting and journalism for media trends, news transmission and its authenticity. *Journal of Mass Communication & Journalism*, 6(9), 2–6.
- Scolari, C. A., Aguado, J. M & Feij, C. (2012). Mobile media: towards a definition and taxonomy of contents and applications. *International Journal of Interactive Mobile Technologies* 6 (2): 29–38.

- Shahrul Nazmi Sannusi & HM Ibrahim, (2019). Peranan perekonomian media dalam survival penerbitan akhbar berbahasa Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 34 (4). Doi: 10.17576/JKMJC-2018-3404-03
- Shahrul Nazmi Sannusi & Normah Mustafa, (2015). Akhbar versi digital: implikasi terhadap trend sirkulasi akhbar bercetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 31 (2), 687–701.
- Tahir Ahmad Wani & Syed Wajid Ali. 2015. Innovation diffusion theory: review & scope in the study of adoption of smartphone in india. *Journal of General Management Research*. 3 (2): 101–118.